



PEMBERIAN baju raya baharu sangat digalakkan dalam program ini bagi menggembarakan penerima.

PAKAIAN yang siap dilipat akan diasingkan mengikut jenis dan saiz sebelum diagih-agihkan kepada rumah kebajikan terpilih.



Sedekah baju raya baharu, terpakai

Program amal Baju Raya Project anjuran Pertubuhan Projek Kasih beri peluang golongan kurang berkemampuan merasai nikmat berbaju raya pada sambutan Aidilfitri akan datang.

EKSTRA



PROGRAM amal ini mula diperkenalkan pada tahun 2013.

Baju Raya Project

- Orang ramai yang ingin mendermakan baju raya boleh berbuat demikian pada sesi kedua dan ketiga yang dijangka berlangsung 18 Jun dan 25 Jun ini di Panggung Percubaan, Universiti Putra Malaysia, Serdang. Selangor bermula pukul 8.30 pagi hingga 1 petang.

- Jenis baju yang diperlukan termasuklah baju kurung, kebaya, jubah, tudung dan baju Melayu dalam saiz dewasa serta kanak-kanak.

- Baju terpakai itu mestilah bersih, masih elok dan boleh dipakai. Sumbangan baju baharu juga sangat dialu-alukan.

- Penderma hanya perlu memasukkan baju-baju berkenaan ke dalam beg kitar semula atau plastik mengikut jenis serta saiz dan label berdasarkan kategori.

- Facebook & Twitter: BajuRayaProject



Oleh NOR IDAYU BOSRO

SUASANA ruang legar Anjung C, Masjid Wilayah Persekutuan di Jalan Duta, Kuala Lumpur pada hari Sabtu itu kelihatan meriah berbanding hari-hari minggu lain. Di satu sudut kelihatan beberapa orang sukarelawan duduk bersila sambil sibuk melipat timbunan pakaian.

Di satu bahagian lain, beberapa orang remaja perempuan leka menjahit butang dan cangkuk besi pada pakaian yang telah diasingkan. Salah seorang sukarelawan, Farah Fauzi, 26, tidak terkecuali daripada melaksanakan tugas yang diberikan kepadanya.

Seawal pukul 8.30 pagi, pelajar jurusan Ijazah Sarjana Pendidikan Inggeris Universiti Malaya itu sudah berada di masjid tersebut untuk memastikan pakaian yang diperolehi

menerusi program amal, Baju Raya Project itu berada dalam keadaan baik dan bersih.

Menurut Farah, selepas menerima pakaian daripada penderma, dia dan beberapa orang sukarelawan lain akan mengumpul dan memeriksa keadaan pakaian tadi.

"Memang sudah menjadi tanggungjawab saya untuk pastikan baju-baju yang diterima ini melalui proses kawalan kualiti. Ini bermakna, kami hanya menerima baju yang bersih, elok dan boleh dipakai untuk diagihkan kepada rumah-rumah kebajikan terpilih.

"Mana-mana baju yang koyak, berbau dan sudah tidak boleh dipakai akan diketepikan. Ia tidak dibuang ke dalam tong sampah sebaliknya akan dihantar ke pusat kitar semula," ujarinya kepada kru *Jurnal* ketika ditemui baru-baru ini.

Dianjurkan organisasi bukan kerajaan (NGO), Pertubuhan Projek Kasih kira-kira tiga tahun lepas, program amal

sempena bulan Ramadan itu antara lain bertujuan memberi peluang kepada orang ramai untuk mendermakan baju raya baharu dan terpakai bagi diagihkan kepada golongan kurang berkemampuan.

"Tidak dinafikan sewaktu awal penganjuran, kami menerima banyak pakaian buruk yang sudah koyak, berwarna kekuningan dan berbau hapak. Pada fikiran saya, orang sebegini hanya mahu mengambil kesempatan membuang pakaian mereka tanpa memikirkan objektif sebenar di sebalik program ini.

"Bayangkan kalau kita sendiri tidak mahu menyarungkan pakaian itu, kenapa perlu bagi orang lain pakai sebab ia untuk dipakai pada hari raya nanti. Jadi sekurang-kurangnya biarlah baju yang didermakan masih dalam keadaan baik.

"Bagi menjaga hati dan menggembarakan penerima, kami menetapkan standard supaya baju yang diterima bukan sahaja bersih bahkan cantik serta boleh dipakai," jelasnya panjang lebar.

Corak penghantaran

Meskipun bukan serba baharu, pemberian ikhlas itu sudah cukup membawa kegembiraan kepada pemakai sekali gus menjadikan sambutan Aidilfitri mereka tambah bermakna.

"Tidak semua orang bernasib baik untuk meraikan lebaran dengan membeli pakaian baharu. Prihatin dengan nasib mereka yang memerlukan, Baju Raya Project memberi sinar Syawal agar golongan berkenaan dapat turut merasai kemeriahan berhari raya," kata Pengurus Projek (Operasi),



PENDERMA hanya perlu datang ke lokasi yang diberitahu untuk menghantar sumbangan baju raya mereka.



JIKA baju yang diterima berbau hapak, kotor dan tidak boleh dipakai, ia akan diketepikan untuk dihantar ke pusat kitar semula.



PEMBERIAN ikhlas ini dapat memberi kegembiraan dan keceriaan kepada golongan yang tidak mampu dan kurang bernasib baik.

Musliyana Mansor.

Menurutnya, idea untuk menganjurkan Baju Raya Project dicetuskan bersama rakannya, Aida Suraya Daud selepas menyedari tiada mana-mana pertubuhan atau persatuan yang benar-benar fokus pada aktiviti menderma baju raya kepada mereka yang memerlukan.

"Golongan sasaran termasuklah anak-anak yatim, ibu-ibu tunggal, asnaf dan fakir miskin serta mangsa banjir," ujarnya.

Bercerita lanjut, Musliyana yang berkhidmat sebagai Pegawai Sains di Institut Biosains, Universiti Putra Malaysia, Serdang memberitahu, pakaian yang sudah diasingkan akan dilipat kemas sebelum disusun mengikut saiz dan jenis baju.

"Kami akan susun berdasarkan saiz dewasa dan kanak-kanak selain memastikan ia diasingkan mengikut kategori baju kurung, kebaya, jubah dan baju Melayu.

"Kemudian barulah kami label dan memasukkannya ke dalam plastik besar untuk dihantar ke rumah-rumah kebajikan terpilih.

"Berdasarkan saiz dan jenis baju



JUMLAH sukarelawan Baju Raya Project semakin bertambah tahun demi tahun dan pernah mencecah lebih 100 orang pada setiap satu sesi.

itu jugalah kami dapat mengenal pasti corak penghantaran baju mengikut kategori sama ada ke rumah kebajikan anak yatim atau ibu tunggal," tuturnya.

Pasukan menjahit

Memasuki tahun keempat penganjuran, program amal itu telah ditambah baik daripada pelbagai aspek termasuklah dari segi pendedahan, operasi, logistik dan jumlah sukarelawan.

"Kalau dahulu kami kena guna pelbagai medium termasuklah laman sosial untuk menguar-uarkan mengenai program ini kepada pengetahuan

umum, namun kini boleh dikatakan ramai yang sudah tahu dan tertantantantikan penganjurannya setiap kali tiba bulan Ramadan.

"Dari segi pergerakan kerja juga lebih lancar apabila setiap orang ada tugas masing-masing. Kami juga berbesar hati kerana turut menerima tajaan daripada kelab-kelab permotoran yang sudi membantu menghantar baju-baju ini ke lokasi," kata Musliyana.

Sementara itu, Pengurus Projek (Sukarelawan), Mohd. Adib Mohd. Khalid, berkata, operasi sepanjang program itu berlangsung turut ditambah baik dengan pertambahan jumlah sukarelawan yang terlibat.

"Dahulu, kami terpaksa ketepikan pakaian yang zipnya rosak, tertetas benang atau butang serta cangkuknya tercabut walaupun kainnya masih elok kerana ketiadaan tenaga kerja untuk melakukan tugas-tugas menjahit.

"Bagaimanapun dengan bertambahnya jumlah sukarelawan, buat pertama kalinya pada tahun ini, kami dapat mewujudkan pasukan khas yang akan perbaiki keadaan baju berkenaan," katanya sambil memberitahu, pihaknya akan membawa peralatan menjahit seperti zip, cangkuk besi, benang dan jarum untuk memudahkan kerja.

Bagi pengasas Rumah Perlindungan Nur Hati di Ampang, Selangor, Mohd. Zaid Mohd. Shah, dia amat berbesar hati kerana menerima hadiah baju raya baharu dan terpakai untuk lebih 100 penghuninya yang terdiri daripada warga emas, ibu tunggal dan kanak-kanak tidak sah taraf.

"Kami sebenarnya tidak menyangka akan menerima sumbangan ini. Saya pasti sambutan Syawal kali ini pasti lebih bermakna buat penghuni di sini kerana dapat berbaju raya atas pemberian orang ramai.

"Ia mungkin pakaian yang tidak lagi digunakan, tetapi kami sangat teruja dengan bantuan ini. Saya berharap program ini terus bertambah baik dan mendapat lebih banyak sokongan pada masa akan datang," ujarnya.



MOHD. ZAID



MUSLIYANA



MOHD. ADIB



FARAH

Bersedekah bantu umat Islam insafi diri

AMALAN menderma khususnya pada bulan Ramadan wajar diambil peluang memandangkan ganjaran serta pahala yang dijanjikan Allah SWT lebih besar berbanding bulan-bulan lain.

Penceramah bebas, Ustaz Mohd. Shukri Ali berkata, bulan Ramadan diibaratkan seperti lubang untuk meraih pahala berlipat ganda menerusi pelbagai



MOHD. SHUKRI

ibadat dan amal jariah termasuk bersedekah sama ada dalam bentuk wang atau barangan.

Menurutnya, umat Islam turut berpeluang mengimarahkan bulan puasa dengan menggembirakan golongan tidak bernasib baik dan kurang berkemampuan dengan berkongsi

rezeki atau harta walaupun sedikit jumlah mahupun nilainya. "Dalam konteks

mendermakan baju raya baharu atau terpakai, kita bukan sahaja dapat membantu meringankan bebanan hidup, malah secara tidak langsung dapat menceriaikan hari mereka.

"Dengan melihat kesusahan hidup orang-orang tidak bernasib baik ini, kita akan lebih menginsafi diri dan sentiasa bermuhasabah kerana sedar masih ramai sebenarnya yang tidak bernasib baik dan memerlukan pertolongan. Walaupun hanya sepaasang baju, ia cukup bermakna buat

mereka," katanya.

Tambah Mohd. Shukri, melalui amalan bersedekah itu juga, umat Islam secara tidak langsung dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT.

"Bersedekah juga adalah kunci yang mendekatkan kasih sayang sesama insan. Ia menjadi penyubur kepada kebaikan-kebaikan lain yang dilakukan. Program-program sebegini wajar diperluas dan digerakkan secara lebih aktif dalam membantu golongan yang memerlukan," ujarnya.